



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel:06-2895000

Faks:06-2345201 / 5202 / 5207

Web: <http://portalpp.anm.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(A)MEL/69 Jld 8(11)
Tarikh : 23 September 2022
Bersamaan : 26 Safar 1444H

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Perhatian kepada semua PTJ,

Tuan,

**PENUTUPAN AKAUN INTERIM KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN
KEWANGAN 2022 PANJAR 1/12, PANJAR 3/12, PANJAR UNIT, PANJAR KHAS
DAN PANJAR WANG RUNCIT**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, proses **Penutupan Akaun Interim Kerajaan Persekutuan Tahun Kewangan 2022** bagi rekupmen panjar perlu disempurnakan sebelum **30 September 2022**.

3. Sehubungan itu, jabatan tuan/ puan perlu melaksanakan tindakan berikut:

- i) **Memperaku 1** bagi Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar selewat-lewatnya pada **26 September 2022 (Isnin)**;
- ii) Proses **Semak AO** akan dibuat selewat-lewatnya pada **27 September 2022**. PTJ perlu memaklumkan nombor dokumen dan kod PTJ kepada Unit Pengurusan Dana untuk semakan segera;
- iii) **Memperaku 2** bagi Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar selewat-lewatnya **27 September 2022 jam 4.00 petang**;
- iv) **Menunaikan wang panjar di bank dan membuat Penerimaan Rekupmen di Modul Panjar selewat-lewatnya 29 September 2022 (Khamis). PASTIKAN BAKI WANG RUNCIT SAMA DENGAN APUNGAN YANG DILULUSKAN DI TANGAN**;
- v) **Kod Akaun Panjar adalah A2911101 dan Kod Dana G000** perlu digunakan semasa penyediaan Penerimaan Rekupmen;

- vi) Menjana dan menyemak **Laporan Senarai Dokumen bagi Proses Panjar Belum Selesai** di Portal iGFMAS. Sekiranya masih terdapat dokumen yang tersenarai dalam laporan tersebut, PTJ perlu menyempurnakan dokumen panjar sehingga status 80 ATAU hapus selewat-lewatnya pada **29 September 2022 jam 4.30 petang**;

- vii) Menjana dan mencetak **2 set salinan Sijil Perakuan Panjar di Portal iGFMAS mulai 30 September 2022** dan mengemukakan dokumen yang lengkap kepada Unit Akaun, JANM Melaka selewat-lewatnya pada **07 Oktober 2022 (Jumaat)**.
 - a) **Sijil Perakuan Panjar – Lampiran I dan Lampiran II bertarih 30 September 2022;**
 - b) **Salinan dokumen Arahan Pembayaran Reкупmen Panjar yang disahkan; dan**
 - c) **Salinan Buku Wang Runcit 01.09.2022 sehingga 30.09.2022**

4. Kegagalan mengemukakan Sijil Perakuan Panjar pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan Arahan Pembayaran yang dikeluarkan PTJ akan dikuiiri oleh Jabatan ini. Bersama-sama ini disertakan tatacara untuk menyediakan Sijil Perakuan Panjar sebagai rujukan tuan.

Sekian, terima kasih.

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

(NUR AZIRA BINTI ABD RAHMAN C.A.(M))

Seksyen Operasi

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka